

# MRT tak babit BB Plaza, Yayasan Selangor

» *Tunggu maklum balas jika ada mahu bergabung*

► KUALA LUMPUR:

**P**rojek My Rapid Transit tidak akan membabitkan bangunan Bukit Bintang Plaza, kata Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp), Datuk Azhar Abdul Hamid (**gambar**)

Beliau berkata, MRT Corp akan membina stesen itu secara berasingan tanpa digabungkan dengan bangunan BB Plaza dan Yayasan Selangor.

"Kami juga mengeluarkan notis rasmi kepada pemilik hartanah persendirian lain di kawasan Bukit Bintang untuk memaklumkan kepada mereka berhubung perkara itu," katanya pada taklimat me-



dia mengenai pakej kerja jejambat transit MRT V3, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Azhar berkata, kerja di stesen itu kemungkinan membabitkan perbincangan dengan pemilik BB Plaza dan Yayasan Selangor.

"Kami menunggu maklum balas daripada mereka. Mereka menyedari ia peluang keemasan bagi mereka untuk bersepadu dengan stesen itu kerana ia akan meningkatkan nilai hartanah dan lokasi mereka," katanya.

Azhar berkata, sekiranya pemilik BB Plaza dan Yayasan Selangor mahu bergabung dengan stesen itu, bangunan mereka per-

lu dibangunkan semula.

"Bagaimanapun, kami tidak mahu menangguhkan projek itu, justeru, akan meneruskan dengan rancangan membina stesen Bukit Bintang berasingan bagi memastikan kami dapat menyiapkan projek itu tepat pada masa, menjelang Julai 2017," katanya.

Mengenai pakej kerja jejambat transit V3 bernilai RM816 juta yang diberikan kepada Mudajaya Corp pada Jun lalu, beliau berkata kerja pembinaan akan bermula bulan ini.

"Daripada lapan pakej kerja jejambat transit yang ditawarkan MRT Corp, tujuh sudah diberikan. Baki pakej itu, V8 (Taman Mesra-Kajang), dijangka diberikan pada akhir Ogos tahun ini," katanya.

Mengulas lanjut, Azhar berkata, Mudajaya diberi pakej V3 dengan tugas membina 'guideway' jejambat MRT dan kerja lain berkaitan dari Dataran Sunway ke Seksyen 17.

**BERNAMA**